

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT [PULAI]

SOALAN

Tuan Suhaizan bin Kaiat [Pulai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rancangan pengangkutan darat dalam Parlimen Pulai, Johor Baharu, Iskandar Puteri dan Tebrau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri pada 24 April 2024 telah memutuskan supaya Kementerian Pengangkutan (MOT) melaksanakan Kajian Cadangan Pengangkutan Awam Darat di Wilayah Iskandar Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan mod pengangkutan yang sesuai untuk dilaksanakan dan dapat menyokong ketersambungan dengan *Rapid Transit System* (RTS), setelah perancangan asal pelaksanaan projek *Bus Rapid Transit* (BRT) dibatalkan.
2. Kajian ini akan mengambil masa tiga bulan dan hasil kajian akan diangkat ke Jemaah Menteri untuk pertimbangan lanjut.

Sekian, terima kasih.